

Putin tangguhkan lawatan ke Malay&a

UM - 7 JUL 2003

MOSCOW 6 Julai -- Presiden Rusia, Vladimir Putin telah menghubungi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memaklumkan mengenai penangguhan lawatannya ke Malaysia selepas satu serangan pengebom berani mati menyebabkan kira-kira 20 orang terbunuh pada satu konsert rock di Moscow.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini oleh kerajaan Rusia di Kremlin, Putin yang dijadualkan melawat Malaysia pada Selasa ini memberikan penjelasan mengenai situasi yang dihadapinya dalam perbualan beliau dengan Perdana Menteri.

Putin juga membatalkan lawatannya ke Uzbekistan yang dijadual bermula hari ini.

Menurut kenyataan itu, Dr. Mahathir telah menyampaikan ucapan takziah beliau kepada Putin berhubung serangan tersebut.

Presiden Rusia itu sebelum ini dijadualkan

menandatangani satu perjanjian mengenai penjualan pesawat pejuang kepada Malaysia dalam lawatannya ke Kuala Lumpur.

Beliau juga dijangka menyampaikan ucapan khas di Forum Perniagaan Malaysia-Rusia pada 8 Julai ini.

Forum itu yang dianjurkan bersama oleh Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (ASLI), Dana Kerjasama Rusia-ASEAN (RACF) dan Kedutaan Rusia di Kuala Lumpur.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan perniagaan dua hala dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Rusia.

Forum itu akan turut mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan pelaburan bagi ahli perniagaan.

Selain itu, ia juga bertujuan menggalakkan perkongsian pintar antara masyarakat pemiagaan kedua-dua negara.